

25/01/2002

PBT perlu bendung penempatan pendatang asing

Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Khamis - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) bertindak segera apabila mengesan sebarang penerokaan tanah bagi mendirikan penempatan setinggan, terutama pendatang asing.

Menterinya, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata tindakan segera perlu diambil bagi mengelakkan masalah penempatan setinggan berleluasa.

"Jangan tunggu hingga kampung pendatang asing wujud, baru hendak bertindak. Kementerian tidak ingin melihat pendatang asing membuat sesuka hati dalam kawasan PBT dengan meneroka tanah untuk membina rumah setinggan," katanya selepas merasmikan Pameran Lukisan Kuda oleh James Phua di sini, hari ini.

Ong yang mengaku wujud kelemahan penguatkuasaan di kalangan PBT sebelum ini, berharap pihak terbabit mengambil tindakan secara berkesan supaya tidak timbul isu kemanusiaan dan masalah sampingan kepada negara serta masyarakat setempat.

Sementara itu, Ong berkata, kementeriannya sedang memantau pelaksanaan arahan kerajaan supaya semua ibu negeri menyalakan lampu hiasan menjelang perayaan utama di negara ini.

Beliau berkata, semua kerajaan negeri harus menggalakkan sektor swasta menyalakan lampu hiasan menjelang perayaan utama.

"Menjelang Tahun Baru Cina ini, saya hendak melihat semua ibu negeri dihiasi lampu hiasan. Kami hendak melihat usaha ini berterusan sepanjang tahun," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga prihatin mengenai arahan itu dan beliau sendiri memantau pelaksanaannya.

(END)